



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

21 Jun 2004

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 2/2004
PROSEDUR PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PROGRAM LATIHAN DI BAWAH
SKIM LATIHAN SBL-KHAS

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua penyedia latihan yang melaksanakan Skim Latihan SBL-Khas mengenai prosedur baru bagi mendaftar dan memperbaharui program latihan di bawah Skim Latihan SBL-KHAS, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pada 16 September 2001, Skim Latihan SBL-KHAS telah dilaksanakan oleh PSMB dengan tujuan untuk menggalakkan lebih ramai majikan yang berdaftar di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) melatih semula pekerja. Di bawah Skim Latihan SBL-Khas, penyedia latihan akan membuat tuntutan yuran program latihan kepada PSMB yang kemudiannya ditolak daripada baki levi majikan. Usaha ini adalah untuk mengatasi masalah aliran tunai yang dihadapi oleh majikan untuk melatih pekerja mereka.
- 2.2 Pada masa ini, penyedia latihan yang ingin menyertai skim ini perlu memenuhi terma dan syarat seperti berikut:
- i) Penyedia latihan telah berdaftar di bawah Sijil Kelas A atau B atau C;
 - ii) Mempunyai modal berbayar (paid-up capital) sebanyak RM50,000.00 dan ke atas;
 - iii) Sekiranya tidak memenuhi syarat 2.2 (ii), jaminan bank (bank guarantee) sebanyak RM25,000.00 perlu dikemukakan. Ini bertujuan memastikan bahawa penyedia latihan berkemampuan melaksanakan latihan di bawah Skim Latihan SBL-Khas; dan
 - iv) Penyedia latihan dikehendaki menandatangani perjanjian dengan PSMB untuk tempoh satu (1) tahun agar penyedia latihan menjalankan latihan di bawah skim ini dengan sempurna.

- 2.3 Terma dan syarat di para 2.2 dan juga dalam perjanjian Skim Latihan SBL-Khas tidak dinyatakan senarai program latihan yang diluluskan untuk ditawarkan oleh penyedia latihan kepada majikan-majikan yang diliputi di bawah KWPSM.

3 PENDAFTARAN PROGRAM LATIHAN DI BAWAH SKIM LATIHAN SBL-KHAS

- 3.1 PSMB ingin memastikan bahawa hanya program-program latihan yang berkualiti dan diperlukan oleh majikan boleh ditawarkan di bawah Skim Latihan SBL-Khas. Lembaga Pengarah PSMB dalam mesyuarat Bil 1/2004 telah meluluskan bahawa penyedia latihan yang melaksanakan Skim Latihan SBL-Khas ini perlu mendaftarkan program latihan mereka yang akan ditawarkan di bawah skim tersebut.

- 3.2 Semua penyedia latihan yang telah berdaftar dengan PSMB samada di bawah Kelas A, B atau C layak memohon untuk menyertai Skim Latihan SBL-Khas dan mendaftarkan program-program latihan yang akan ditawarkan di bawah skim berkenaan. Program-program latihan yang boleh didaftarkan adalah seperti berikut:

- a) Penyedia latihan yang berdaftar di bawah Kelas C hanya dibenarkan untuk melaksanakan program latihan "soft skills" sahaja;
- b) Manakala penyedia latihan yang berdaftar di bawah Kelas A atau B dibenarkan untuk menawarkan program latihan "soft skills" dan juga program latihan teknikal (hard skills); dan
- c) Program latihan yang didaftarkan boleh dijalankan secara "in-house" atau secara umum (publicly conduct courses).

- 3.3 P3.3 Apabila membuat permohonan bagi pendaftaran program latihan di bawah Skim Latihan SBL-Khas, penyedia latihan perlu mengemukakan maklumat dan dokumen seperti berikut:

- a) Isi Borang [PSMB/SBL-Khas/2/04](#) (Rujuk Lampiran A). Pastikan semua syarat-syarat dokumen seperti Senarai Semak di mukasurat 2 Borang tersebut dipatuhi;
- b) Bayaran yuran proses sebanyak RM300.00 bagi setiap program latihan yang didaftarkan di bawah Skim Latihan SBL-Khas. Bagi program latihan yang telah diluluskan di bawah PROLUS, bayaran proses dikecualikan. Perlu diingatkan bahawa sekiranya program latihan di bawah PROLUS tidak diperbaharui, secara automatik program latihan tersebut terbatal dengan sendirinya dan akan juga terbatal di bawah Skim Latihan SBL-Khas;
- c) Satu (1) set maklumat mengenai tajuk program latihan, kumpulan sasar, objektif, dan kandungan program latihan (Rujuk contoh di [Lampiran A1](#));
- d) Satu (1) set maklumat mengenai Biodata Tenaga Pengajar (sekurang-kurangnya 2 orang bagi setiap program latihan) (Rujuk contoh format di [Lampiran A2](#)); dan
- e) Slip penghantaran seperti di [Lampiran B](#).

- 3.4 Adalah diingatkan bahawa semua dokumen mesti dihantar bersama yuran

untuk bayaran prosesan. Bayaran perlu dikemukakan secara cek/deraf bank/wang pos atas nama "Pembangunan Sumber Manusia Berhad".

- 3.5 Perlu diingatkan bahawa penyedia latihan dikehendaki menggunakan tajuk program latihan yang sama seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 perjanjian Skim Latihan SBL-Khas semasa menawarkan latihan kepada majikan bagi mengelakkan wujudnya masalah apabila majikan mengemukakan permohonan geran latihan. Adalah diingatkan bahawa penyedia latihan mesti menggunakan kandungan latihan yang sama dengan kandungan latihan yang dikemukakan semasa mendaftar program latihan tersebut.
- 3.6 Jika majikan ingin membuat "customization" terhadap program yang ditawarkan, ianya boleh dibenarkan dengan syarat perubahan kandungan latihan tidak melebihi 50% dari kandungan latihan yang telah didaftarkan. Perubahan tersebut tidak melibatkan pengurangan kandungan program latihan serta tempoh latihan.

4 PEMBAHARUAN PROGRAM LATIHAN DI BAWAH SBL-KHAS

- 4.1 Tempoh sah pendaftaran bagi sesuatu program latihan di bawah Skim Latihan SBL-Khas ialah 2 tahun. Bagi permohonan pembaharuan pendaftaran program latihan, penyedia latihan perlu menggunakan borang permohonan [PSMB/SBL-KHAS/2A/04](#) seperti di Lampiran C.
- 4.2 Penyedia latihan juga perlu melengkapkan slip penghantaran seperti di [Lampiran D](#).
- 4.3 Bayaran yuran prosesan sebanyak RM300.00 dikemukakan secara cek/deraf bank/wang pos atas nama "Pembangunan Sumber Manusia Berhad".
- 4.4 Slip penghantaran tersebut bersama dengan bayaran proses dan borang PSMB/SBL-KHAS/2A/04 hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Sumber Latihan PSMB.

5 PERJANJIAN SKIM LATIHAN SBL-KHAS

- 5.1 Setelah penyedia latihan memenuhi semua terma dan syarat di para 3.3 bagi Pendaftaran Program Latihan atau syarat di para 4 bagi Pembaharuan Pendaftaran Program Latihan, PSMB akan menyediakan dua (2) salinan Borang Perjanjian Skim Latihan SBL-Khas untuk ditandatangani oleh pihak PSMB dan penyedia latihan berkenaan. Tempoh sah laku perjanjian dan program adalah selama dua (2) tahun.

- 5.2 Setelah Borang Perjanjian ditandatangani, Penyedia Latihan dikehendaki memamatkan setem dan kembalikan satu salinan kepada Bahagian Pembangunan Sumber Latihan, PSMB dan satu salinan disimpan oleh penyedia latihan.

6 PENUTUP

- 6.1 Penyedia latihan adalah dinasihatkan supaya mengikuti prosedur seperti yang dinyatakan di para 3.3 untuk pendaftaran program latihan di bawah Skim Latihan SBL-Khas dan juga di para 4 untuk pembaharuan program latihan tersebut bagi mengelakkan sebarang kesulitan ketika menghantar permohonan.
- 6.2 Borang permohonan tersebut hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:-
Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad
Tingkat 7, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
(u/p: Encik Muhammad Ghazali b. Abd. Aziz /
Encik Nor Azimin b. Abd Razak
Bahagian Pembangunan Sumber Latihan)
- 6.3 Urusetia PSMB berharap pihak penyedia latihan dapat memberi kerjasama yang sepenuhnya bagi menjayakan Skim Latihan SBL-Khas ini.
- 6.4 Pekeliling Penyedia Latihan Bil. 2/2004 ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2004. Penyedia latihan yang sedang melaksanakan Skim Latihan SBL-Khas diberi tempoh sehingga 30 September 2004 untuk mendaftar program latihan mereka mengikut terma dan syarat yang dinyatakan di para 3.3. Adalah dimaklumkan perjanjian yang telah ditandatangani sebelum ini akan terbatal pada 1 Oktober 2004.

Sekian, terima kasih.

**“PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN”
“BERSAMA SEIRING MENGHADAPI GLOBALISASI”**

Yang ikhlas

(DATUK YAU DE PIYAU)

Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad